

| | | | |
|-------------|---|------------|---------|
| Headline | Sinar baharu lapan sekeluarga | | |
| MediaTitle | Sinar Harian (Melaka & Negeri Sembilan) | | |
| Date | 04 Mar 2017 | Language | Malay |
| Circulation | 160,000 | Readership | 509,000 |
| Section | News | Page No | 40 |
| ArticleSize | 315 cm ² | Journalist | N/A |
| PR Value | RM 6,620 | | |
| | | | |



Sinar baharu lapan sekeluarga

Bakal miliki rumah baharu ganti rumah makin uzur menerusi Projek Mesra Rakyat TNB

SERKAM - Kebimbangan lapan sekeluarga yang mendiami rumah dalam keadaan semakin uzur bakal berakhir apabila mereka terpilih menerima bantuan rumah Projek Mesra Rakyat Tenaga Nasional Berhad (TNB).

Penerima, Abd Rahman Ahmad, 53 yang bekerja sebagai pengutip sampah di sebuah syarikat pembersihan berkata, rumah pusaka tempatnya bersama isteri dan enam anak berindung selama ini telah banyak kerosakan dan semakin uzur terutama di bahagian dinding dan bumbung.

"Saya tinggal di sini sejak kecil, sekarang rumah ini diberikan kepada saya.

"Namun, keadaan dinding dan bumbung yang rosak membahayakan untuk kami sekeluarga tinggal di sini," katanya pada majlis penyerahan surat kelulusan Projek Mesra Rakyat TNB di rumahnya, di sini.

Katanya, dia berasa bersyukur apabila diberitahu rumahnya yang uzur itu akan dibina semula dan diganti rumah baharu.

"Memang banyak kenangan kerana inilah satu-satunya rumah saya selama ini, tetapi kerana keadaannya semakin uzur, ia sudah tidak selamat untuk kami diami.

"Dalam keadaan serba kekurangan, memang sukar bagi saya untuk baiki rumah ini. Saya bukanlah daripada golongan yang mampu untuk membaiki pulih rumah, ini-

kan pula untuk membina rumah baharu.

"Apabila pihak berkenaan hadir hari ini dan memberitahu saya salah seorang penerima bantuan daripada TNB, saya sangat terharu," katanya yang merupakan penerima zakat Negeri Melaka.

Hadir sama Adun Serkam, Datuk Zaidi Atan dan Pengurus Besar TNB Melaka, Ahmad Razezan Mohammad.

Sementara itu, Zaidi berkata, sebanyak RM50,000 diperuntukkan bagi membina rumah baharu untuk Ab Rahman.

"Keadaan rumahnya yang usang antara faktor dia dipilih menerima bantuan ini. Dia juga bukan orang senang dan tidak mampu untuk memiliki rumah lebih selesa.

"Selain itu, pendapatannya yang sedikit di samping terpaksa membesarkan empat anaknya yang masih bersekolah membebaskan dirinya untuk mendapatkan kehidupan sempurna buat anak-anaknya.

"Pihak kami berharap, bantuan ini sedikit sebanyak memberi sinar baharu kepada keluarga Abd Rahman. Diharap rumah baharu nanti akan memberikan kehidupan lebih selesa untuk keluarganya," katanya.

Tambah Zaidi, beliau berterima kasih kepada pihak TNB kerana sudi membantu masyarakat Dun Serkam.



Rumah Abd Rahman bakal berwajah baharu selepas mendapat bantuan rumah Projek Mesra Rakyat TNB.



Abd Rahman menerima surat kelulusan bantuan rumah daripada Ahmad Razezan (kanan) dan Zaidi di rumahnya.